

## **Tahap Modul Bahasa Arab Masjid dan Hubungannya dengan Tahap Kemahiran Asas Berbahasa Arab dalam Kalangan Pelajar**

### ***The Module Level of Arabic Mosque and Its Relationship with the Level of Basic Arabic Proficiency among Students***

Hanis Najwa Shaharuddin<sup>1</sup>, Dr. Khairatul Akmar Ab. Latiff<sup>2</sup>, Muhammad Rofian Ismail<sup>3</sup>,  
Ahmad Redzaudin Ghazali<sup>4</sup> & Dr. Md. Noor Hussin<sup>5</sup>

#### **ABSTRAK**

*Kursus Bahasa Arab Masjid (KAMBA) merupakan salah satu kursus yang ditawarkan pada orang awam dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat khususnya di Selangor. Setelah kursus ini dijalankan selama 4 tahun, didapati wujudnya permasalahan berkaitan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang melibatkan komponen asas kemahiran bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti salah satu pelaksanaan komponen asas kemahiran berbahasa Arab iaitu tahap modul bahasa Arab masjid dan hubungannya dengan tahap kemahiran asas berbahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan pensampelan rawak berstrata. Satu set soal selidik telah diberikan kepada 109 orang responden yang menjadi sampel daripada lima buah masjid di Selangor. Satu set protokol temu bual berstruktur dijalankan kepada 6 orang responden sebagai dapatan sokongan. Hasil kajian menunjukkan tahap modul bahasa Arab masjid berdasarkan persepsi pelajar mendapat nilai min yang tinggi iaitu sebanyak 3.87. Walaupun begitu, hasil daripada temu bual dalam kalangan guru menyatakan bahawa modul yang disediakan tidak merangkumi sepenuhnya objektif pembelajaran khususnya pada kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Bagi hasil tahap kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar mendapat nilai min yang sederhana iaitu sebanyak 3.61. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap yang tinggi diantara tahap modul bahasa Arab masjid dengan tahap kemahiran asas berbahasa Arab masjid. Justeru, modul bahasa Arab masjid perlu dibuat penambahbaikan supaya keberhasilan pembelajaran dicapai khususnya kepada kemahiran asas berbahasa Arab.*

**Kata Kunci :** *Modul Bahasa Arab Masjid, Kemahiran Asas Berbahasa Arab, Selangor*

---

<sup>1</sup> Hanis Najwa Shaharuddin, Master in Arabic Education, Jabatan Bahasa & Pembangunan Insan, KUIS, hanisnajwa@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Khairatul Akmar Ab. Latiff, PhD, Department of Arabic Language and Linguistics Studies, KUIS, khairatulakmar@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Muhammad Rofian Ismail, PhD Candidate, Department of Arabic Language and Linguistics Studies, KUIS, rofian@kuis.edu.my

<sup>4</sup> Ahmad Redzaudin Ghazali, Master, Department of Arabic Language and Linguistics Studies, KUIS, redzaudin@kuis.edu.my

<sup>5</sup> Md. Noor Hussin, PhD, Department of Arabic Language and Linguistics Studies, KUIS, mdnoor@kuis.edu.my

### **ABSTRACT**

*The Course of Arabic Mosque is one of the courses offered to the public and is open to everyone especially in Selangor. After the course was conducted for 4 years, there was a problem with the implementation of Arabic teaching and learning which involved the basic components of Arabic language proficiency. Therefore, this study is aimed at identifying one of the basic components of Arabic language proficiency - Arabic mosque module modules and their relation with the level of Arabic language proficiency among students. This study uses quantitative design using stratified random sampling. A total of 109 respondents became samples from five mosques in Selangor. This study uses questionnaire and structured interviews. A total of 6 teachers were interviewed as support findings on the questionnaire. The results showed that the mosque Arabic modules level based on the students' perceptions had a high mean value of 3.87. However, as a result of interviews among teachers, the module provided does not include the full objective of learning especially on listening skills and speaking skills. The level of Arabic language proficiency among students was moderate at 3.61. The findings also show that there is a significant relationship between the level of Arabic mosque module level with the basic Arabic language proficiency level of the mosque. Hence, mosque Arabic modules need to improve for the success of learning especially for basic components of Arabic language proficiency.*

**Key Words:** *Mosque Arabic Module, Basic Arabic Language Proficiency, Selangor*

### **Pendahuluan**

Bahasa Arab memainkan peranan penting dalam kehidupan seorang Muslim. Ia merupakan bahasa Al-Quran dan Hadis Nabawi yang menjadi sumber asas rujukan agama dan umat Islam di seluruh dunia. Bahasa Arab adalah salah satu bahasa Semetik Tengah, yang termasuk dalam rumpun bahasa Semetik dan berkerabat dengan bahasa Ibrani dan bahasa-bahasa Neo Aramid.

Di Malaysia, pembelajaran bahasa Arab sedang pesat berkembang. Ia mula dipelajari dari permulaan peringkat pembelajaran kanak-kanak sehingga ke tahap yang paling tinggi iaitu di peringkat universiti. Pada peringkat kanak-kanak, mereka diajarkan Muqaddam sebagai pengenalan bagi mempelajari Al-Quran. Muqaddam ini sebenarnya merupakan asas utama untuk mengenali huruf-huruf Al-Quran dalam usaha untuk mempelajari cara pembacaan Al-Quran dengan betul. Pada peringkat universiti pula, bahasa Arab turut dipelajari sebagai satu program pengkhususan sebagaimana penawaran bagi program pengkhususan dalam bidang-bidang lain.

Usaha mempelajari bahasa Arab ini juga diteruskan di peringkat masjid-masjid di seluruh Malaysia kepada ahli-ahli qariah yang ingin mengenali bahasa secara lebih baik. Secara umumnya, masjid ialah tempat beribadat yang khusus, seperti solat dan iktikaf, bagi orang Islam. Ia juga merupakan pusat kebudayaan, muamalat, dan perkembangan dakwah Islamiah, serta pusat aktiviti umat Islam. Dengan menjadikan masjid sebagai tempat tumpuan bagi segala aktiviti masyarakat silam setempat, pelbagai aktiviti yang bersifat keilmuan dipertingkatkan antaranya dengan menganjurkan kelas mempelajari bahasa Arab.

Oleh yang demikian, kerjasama antara pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan sebuah anak syarikat KUIS iaitu KuisCell dalam menyediakan tenaga pengajar bahasa Arab di masjid-masjid di seluruh negeri Selangor. Kursus bahasa Arab untuk orang awam ini dinamakan sebagai KAMBA (Kursus Masjid –Bahasa Arab) yang telah bermula sejak 2013 dan ia mengandungi 4 modul yang telah digubal oleh tenaga pengajar termasuk para pensyarah di Jabatan bahasa Arab, KUIS.

### **Pernyataan Masalah**

Kursus KAMBA telah dilaksanakan di masjid-masjid di seluruh negeri Selangor bermula tahun 2013. Kursus bahasa Arab masjid ini dijalankan kepada orang awam tidak mengira usia muda atau tua. Kursus ini dijalankan pada setiap hujung minggu (Sabtu dan Ahad) secara percuma selama 30 jam bagi setiap modul dan terdapat 4 modul bagi menyempurnakan khusus ini. Kursus KAMBA ini telah berjalan selama hampir 4 tahun dan telah terdapat para pelajar yang telah menamatkan pembelajaran mereka dengan mengikuti 4 modul sebagaimana yang telah dirancang. Di dalam modul KAMBA, terdapat beberapa elemen yang ditekankan seperti kemahiran berbahasa iaitu ilmu *Nahw* dan *Sorf* Arab serta pembinaan Ayat di dalam bahasa Arab mengikut kaedah tatabahasa Arab yang betul.

Antara permasalahan yang wujud ialah tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab masjid berada di tahap yang kurang memuaskan. Berdasarkan kajian daripada Md. Noor Hussin et al. (2016) menyatakan bahawa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar di masjid masih berada di tahap yang rendah. Ini melibatkan keempat-empat kemahiran asas berbahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Oleh itu, kajian ini mencadangkan untuk membuat kajian lanjutan mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan orang awam.

Selain itu, kajian bahasa Arab yang melibatkan orang awam masih kurang dijalankan dan hanya tertumpu pada pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Kajian yang berkaitan dengan orang awam kebanyakannya menyentuh kepada pembinaan modul yang sesuai dengan orang awam itu sendiri. Antara kajian-kajiannya ialah yang telah dijalankan oleh Mohd Puzhi (2007), Ummu Hani et al. (2012), Suhaila & Nur Afifah (2014) , Farhana Idris & Munirah Azrae (2015). Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membuat penilaian bagi salah satu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran iaitu modul atau isi kandungan yang digunakan di dalam kelas . Di samping itu, kajian ini juga mengenal pasti tahap kemahiran asas berbahasa Arab dalam kalangan orang awam hasil daripada modul yang dipelajari.

### **Objektif Kajian**

Dalam menjalankan sesuatu kajian, objektif kajian sangat penting bagi menentukan hasil yang diperolehi di akhir kajian kelak. Oleh itu, kajian ini telah menggariskan beberapa objektif kajian. Antara objektif-objektif kajian tersebut adalah:

1. Mengetahui tahap modul bahasa Arab masjid di Selangor.
2. Mengetahui tahap kemahiran asas berbahasa Arab.

3. Mengenal pasti hubungan di antara modul bahasa Arab masjid dengan tahap kemahiran asas berbahasa Arab.

### Metodologi Kajian

Kajian kuantitatif ini dijalankan di lima buah masjid di Selangor. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data dan maklumat kajian. Teknik persampelan rawak berstrata digunakan dan melibatkan 109 orang responden iaitu orang awam yang mengikuti kursus bahasa Arab masjid ini. Bukan itu sahaja, satu protokol temu bual berstruktur telah dijalankan kepada 6 orang guru yang mengajar kursus bahasa Arab masjid untuk menyokong dapatan soal selidik. Selepas data diperoleh, satu ujian deskriptif dilakukan bagi melihat min tahap modul dan tahap kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini juga membahagikan min kepada tiga tahap seperti di dalam Jadual 1:

**Jadual 1 Interpretasi Skor Min Terhadap Pelaksanaan Komponen Asas Kemahiran Bahasa Arab, Modul Masjid Selangor.**

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (1993)

Selain itu, satu analisis inferensi digunakan di dalam kajian ini iaitu menggunakan ujian korelasi Pearson bagi menjawab salah satu objektif kajian. Kekuatan perhubungan di antara pemboleh ubah- pemboleh ubah dalam kajian ini dianggarkan dengan menggunakan skala kekuatan yang dicadangkan oleh Davies (1971) seperti di dalam Jadual 2.

**Jadual 2 Skala Korelasi Pearson Antara Dua Pemboleh Ubah**

Nilai Pekali	Tafsiran Deskriptif
0.70 – 1.00	Amat Tinggi
0.50 - 0.69	Tinggi
0.30 – 0.49	Sederhana
0.10 – 0.29	Rendah
0.01 – 0.09	Diabaikan

Sumber: Davies (1971)

### Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menentukan tahap modul kursus bahasa Arab masjid dan tahap kemahiran kemahiran asas berbahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kajian dijalankan juga untuk mengenal pasti hubungan di antara tahap modul dengan tahap kemahiran berbahasa Arab pelajar. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 21.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, min dan sisihan piawai. Manakala analisis inferensi menggunakan korelasi Pearson.

## Profil Demografi Kajian

Jadual 3 Profil Demografi Pelajar

Demografi	Kekerapan	Peratusan
<b>Jantina</b>		
Lelaki	50	45.9%
Perempuan	59	54.1%
<b>Umur</b>		
Kurang daripada 25 Tahun	2	1.8%
25-35 Tahun	7	6.4%
36-45 Tahun	14	12.8%
Lebih 45 Tahun	86	78.9%
<b>Tahap Pendidikan</b>		
PhD	3	2.8%
Sarjana	13	11.9%
Ijazah	34	31.2%
Diploma	25	22.9%
Sijil	24	22.0%
Lain-Lain	10	9.2%
<b>Pernah Mempelajari BA</b>		
Ya	55	50.5%
Tidak	54	49.5%
<b>Tahap Penguasaan BA</b>		
Sangat Baik	2	1.8%
Baik	6	5.5%
Sederhana	33	30.3%
Lemah	40	36.7%
Sangat Lemah	28	74.3%
<b>Modul Pembelajaran</b>		
Satu	61	56.0%
Dua	38	34.9%
Tiga	6	5.5%
Empat	4	3.7%

Jadual 3 menunjukkan demografi pelajar dalam kajian pelaksanaan komponen asas kemahiran berbahasa Arab Modul Masjid Daerah Negeri Selangor. Berdasarkan jantina pelajar, seramai 50 orang (45.9%) pelajar lelaki dan seramai 59 orang (54.1%) pelajar perempuan. Berdasarkan umur, seramai 2 orang (1.8%) berumur kurang daripada 25 tahun. Seramai 7 orang (6.4%) berumur antara 25 – 35 tahun, seramai 14 orang (12.8%) berumur antara 36 – 45 tahun dan seramai 86 orang (78.9%) berumur 46 tahun dan ke atas. Berdasarkan tahap pendidikan, seramai 3 orang (2.8%) mempunyai tahap pendidikan PhD, seramai 13 orang (11.9%) mempunyai tahap pendidikan sarjana. Seramai 34 orang (31.2%) mempunyai tahap pendidikan ijazah, seramai 25 orang (22.9%) mempunyai tahap pendidikan diploma, seramai 24 orang (22.0%) mempunyai tahap pendidikan sijil dan terdapat 10 orang (9.2%) mempunyai tahap pendidikan selain yang di atas. Bagi pelajar yang sudah mempunyai asas bahasa Arab, seramai 55 orang (50.5%) mempunyai asas bahasa Arab dan seramai 54 orang (49.5%) tidak mempunyai asas bahasa Arab. Bagi tahap penguasaan bahasa Arab, seramai 2 orang (1.8%) mempunyai tahap penguasaan bahasa Arab pada tahap yang sangat baik, seramai 6 orang (5.5%) mempunyai tahap penguasaan bahasa Arab pada tahap yang baik, seramai 33 orang (30.3%) mempunyai tahap penguasaan bahasa Arab pada tahap yang

sederhana, seramai 40 orang (36.7%) mempunyai tahap penguasaan bahasa Arab pada tahap yang lemah dan seramai 28 orang (25.7%) mempunyai tahap penguasaan bahasa Arab pada tahap yang sangat lemah. Bagi modul pembelajaran yang sedang mereka pelajari, seramai 61 orang (56.0%) sedang mempelajari modul satu, seramai 38 orang (34.9%) sedang mempelajari modul dua, seramai 6 orang (5.5%) sedang mempelajari modul tiga dan seramai 4 orang (3.7%) sedang mempelajari modul empat.

### Analisis Deskriptif

Bagi melihat tahap modul bahasa Arab masjid dan tahap kemahiran asas berbahasa Arab dalam kalangan pelajar, analisis deskriptif telah digunakan untuk mentafsir data yang telah dikumpul. Hasil analisis deskriptif ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai min dan sisihan piawai.

#### a. Tahap Modul Bahasa Arab Masjid di Selangor

**Jadual 4 Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Modul Bahasa Arab di Masjid dalam Kalangan Pelajar**

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Modul bahasa Arab yang digunakan sesuai untuk pelajar.	3.94	0.773	Tinggi
2.	Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan penguasaan saya dalam bahasa Arab.	4.06	0.670	Tinggi
3.	Modul bahasa Arab yang digunakan mudah bagi saya.	3.92	0.570	Tinggi
4.	Modul bahasa Arab yang digunakan sesuai dengan kemampuan saya.	3.82	0.641	Tinggi
5.	Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan kemahiran mendengar saya.	3.77	0.765	Tinggi
6.	Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan kemahiran bertutur saya.	3.79	0.851	Tinggi
7.	Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan kemahiran membaca saya.	3.93	0.729	Tinggi
8.	Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan kemahiran menulis saya.	3.80	0.779	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.87</b>	<b>0.483</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 4 mendapati bahawa setiap nilai min tahap modul bahasa Arab di masjid dalam kalangan pelajar bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min paling tinggi dicapai pada item 2 (Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan penguasaan saya dalam bahasa Arab) iaitu dengan nilai min = 4.06 dengan sisihan piawai 0.670. Seterusnya diikuti dengan item 1 (Modul bahasa Arab yang digunakan sesuai untuk pelajar) iaitu dengan nilai min = 3.94 dengan sisihan piawai = 0.773. Nilai min paling rendah dicapai oleh item 3 (Modul bahasa Arab yang digunakan sukar bagi saya) dengan nilai min = 2.89 dengan sisihan piawai = 0.570. Secara keseluruhannya, tahap modul bahasa Arab di masjid dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.74 dengan sisihan piawai = 0.483.

**b. Tahap Kemahiran Berbahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar**

**Jadual 5 Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Kemahiran Berbahasa Arab dalam Kalangan Pelajar**

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Melalui kemahiran mendengar, saya mampu meneka makna perkataan bahasa Arab yang didengari.	3.79	.746	Tinggi
2	Melalui kemahiran mendengar, saya mampu bertutur dalam bahasa Arab.	3.56	.855	Sederhana
3	Melalui kemahiran mendengar, saya dapat mempelajari banyak perkataan dalam bahasa Arab.	3.94	.724	Tinggi
4	Saya mampu menyebut perkataan-perkataan bahasa Arab dengan betul.	3.91	.586	Tinggi
5	Saya mampu bertutur dalam bahasa Arab secara ringkas menggunakan perkataan yang dipelajari dalam kelas.	3.82	.683	Tinggi
6	Saya mampu berkomunikasi dua hala dalam bahasa Arab secara spontan.	3.01	.938	Sederhana
7	Saya mampu membaca teks bahasa Arab dengan lancar.	3.14	1.076	Sederhana
8	Melalui aktiviti pembacaan, saya mampu memahami teks bahasa Arab dengan baik.	3.28	.973	Sederhana
9	Saya mampu menulis perkataan yang dibaca oleh guru.	3.52	.919	Sederhana
10	Saya mampu menulis ayat mudah bahasa Arab dengan betul.	3.69	.790	Tinggi
11	Saya mampu membezakan bahagian kalimah ( <i>isim,feel dan huruf</i> ) dalam penulisan bahasa Arab.	4.11	.533	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.61</b>	<b>.501</b>	<b>Sederhana</b>

Jadual 5 menunjukkan setiap item bagi tahap kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah tinggi dan sederhana. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item 11 (Saya mampu membezakan bahagian kalimah (*isim,feel dan huruf*) dalam penulisan bahasa Arab) dengan nilai min = 4.11 dan sisihan piawai = 0.533. Diikuti dengan item 3 (Melalui kemahiran mendengar, saya dapat mempelajari banyak perkataan dalam bahasa Arab) dengan nilai min = 3.94 dan sisihan piawai = 0.724. Seterusnya, nilai min yang paling rendah iaitu pada item 6 (Saya mampu berkomunikasi dua hala dalam bahasa Arab secara spontan) iaitu dengan nilai min 3.01 dan sisihan piawai = 0.938. Secara keseluruhannya, tahap kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.61 dan sisihan piawai = 0.501.

## Analisis Temu Bual Berstruktur

### Isi Kandungan Modul Bahasa Arab Masjid

- **Kesesuaian Modul**

Sebanyak 70% daripada responden menyatakan bahawa isi kandungan modul bahasa Arab yang digunakan dalam kursus bahasa Arab masjid kurang sesuai untuk pelajar yang mengikuti kursus ini. Modul bagi kursus bahasa Arab masjid terbahagi kepada empat modul. 60% daripada responden menyatakan modul 1 dan 2 sesuai tetapi modul 3 & 4 tidak sesuai kerana silibus yang digunakan terlalu tinggi untuk pelajar. Selain itu, modul bahasa Arab yang dijalankan ini juga tidak mengikut tujuan asal pelajar iaitu tujuannya mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami al-Quran, memahami ayat-ayat dalam solat dan ibadah. Hal ini kerana kebanyakan pelajar yang mengikuti kursus ini berada dalam lingkungan umur 40 – 50 tahun.

*“Mereka nak belajar bahasa Arab untuk memahami al-Quran tetapi pembelajaran yang terdapat dalam buku terlalu detail” (Responden 3; 02:08)*

- **Modul Kemahiran Berbahasa Arab**

Bahasa Arab mempunyai empat kemahiran asas berbahasa Arab iaitu bahasa Arab mendengar, bertutur, membaca dan menulis. 100% responden menyatakan bahawa modul bahasa Arab masjid ini lebih tertumpu kepada kemahiran membaca dan menulis kerana modul dibina fokus kepada kemahiran menulis dan membaca.

*“kemahiran bertutur dan mendengar kurang penguasaannya tetapi kemahiran membaca dan menulis mereka boleh” (Responden 5; 05:12)*

## Analisis Inferensi

### Hubungan Modul Bahasa Arab Masjid dengan Kemahiran Asas Berbahasa Arab dalam Kalangan Pelajar

Analisis korelasi Pearson dijalankan bagi menentukan hubungan modul bahasa Arab masjid dengan kemahiran asas berbahasa Arab dalam kalangan pelajar. Hasil analisis korelasi Pearson tersebut seperti Jadual 6 berikut.

**Jadual 6 Korelasi Pearson hubungan Modul Bahasa Arab Masjid Dengan Kemahiran Asas Berbahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar**

Hubungan	Kemahiran Berbahasa Arab		Interpretasi
	r	Sig.	
Modul Bahasa Arab	0.565	0.000	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan modul bahasa Arab masjid dengan kemahiran asas berbahasa Arab dalam kalangan pelajar dengan nilai  $r = 0.565$  dan  $\text{sig} = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Kekuatan hubungan ialah positif tinggi.



## Perbincangan Dan Implikasi

### Tahap Modul Bahasa Arab Masjid

Berdasarkan dapatan kajian tahap modul bahasa Arab di masjid, telah menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi konstruk ini berada pada tahap tinggi dengan nilai min = 3.74 dengan sisihan piawai = 0.483. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa modul yang digunakan untuk kursus bahasa Arab masjid ini berada pada tahap yang baik. Hal ini kerana, modul yang disediakan mengikut keperluan pelajar yang mengikuti pembelajaran ini. Item 2 mendapat min yang paling tinggi daripada item yang lain iaitu nilai min = 4.06 yang menyatakan bahawa modul bahasa Arab masjid ini membantu meningkatkan penguasaan bahasa Arab para pelajar.

Bukan itu sahaja, para pelajar juga merasakan modul bahasa Arab yang digunakan ini mudah difahami kerana item ini mendapat nilai min = 3.92. Modul yang baik ialah modul yang mudah difahami oleh pembaca dan mengikut kehendak dan keperluan para pelajar yang mengikuti kelas bahasa Arab khususnya pada orang awam (Suhaila, 2014). Selain itu, modul juga mestilah bersesuaian dengan kemampuan pelajar supaya pelajar tidak merasa sukar untuk mempelajarinya dan berminat untuk meneruskan sehingga tamat pengajian.

Walaupun begitu, berdasarkan dapatan temu bual yang dijalankan dalam kalangan guru mendapati bahawa modul bahasa Arab masjid tidak memenuhi keperluan sepenuhnya oleh para pelajar. Tujuan para pelajar mengikuti kursus ini adalah untuk memahami al-Quran, memahami ayat-ayat dalam solat dan ibadah kerana kebanyakan pelajar yang mengikuti kursus ini berada dalam lingkungan umur 40 – 50 tahun. Sedangkan modul yang digunakan untuk kursus bahasa Arab masjid lebih kepada pembelajaran di sekolah dan bukan memfokuskan kepada ibadah atau sebagainya.

Jika dilihat daripada nilai min daripada lapan item yang disediakan, kemahiran membaca dan menulis lebih tinggi nilai min nya daripada kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Sebagaimana yang diketahui, pembelajaran bahasa Arab di Malaysia lebih cenderung menggunakan buku berbanding membuat aktiviti-aktiviti lain yang menggunakan bahan bantu mengajar. Modul yang menggunakan buku hanya mengoptimumkan kemahiran membaca dan menulis. Dapatan temu bual para guru juga menyatakan bahawa modul yang digunakan oleh mereka hanya memfokuskan kepada kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Dalam dapatan temu bual dalam kalangan guru juga menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti bagi kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur jarang dilakukan kerana modul yang digunakan tidak memfokuskan kepada dua kemahiran ini. Justeru, perkara ini memerlukan kreativiti guru dalam meningkatkan penguasaan pelajar pada kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Ini bertepatan dengan Mohd Ismail et al. (2012) yang menyatakan bahawa guru perlu menjadi kreatif untuk membuat modul itu menjadi sesuatu yang boleh menarik hati pelajar dan mencambahkan idea untuk menghasilkan pembelajaran yang bermakna lebih-lebih lagi pada kemahiran mendengar dan bertutur.

## Tahap Kemahiran Asas Berbahasa Arab

Berdasarkan hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana iaitu dengan nilai min = 3.61 dengan sisihan piawai = 0.50. Kemahiran berbahasa Arab terbahagi kepada empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kajian menunjukkan keempat-empat kemahiran berada pada tahap sederhana.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar bahasa Arab masjid masih berada pada tahap sederhana dalam kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Hal ini kerana, terdapat dua item yang menunjukkan min sederhana iaitu pada item 2 (*melalui kemahiran mendengar, saya mampu bertutur dalam bahasa Arab*) dengan nilai min sederhana iaitu 3.56 dan juga pada item 6 (*saya mampu berkomunikasi dua hala dalam bahasa Arab secara spontan*) dengan nilai min 3.01. Berdasarkan dapatan temu bual juga telah menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang memfokuskan pada kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur hanya tertumpu pada kreativiti guru tersebut untuk melaksanakannya disebabkan modul yang digunakan itu memfokuskan kepada kemahiran membaca dan menulis.

Berdasarkan kajian Sperry Corporation (Martel 1984) menyatakan bahawa manusia menggunakan 80% dalam keadaan sedar untuk berkomunikasi. Dalam 80% yang digunakan itu, 45% digunakan untuk mendengar, 30% untuk bertutur, 16% untuk membaca dan 9% untuk menulis. Begitu juga dalam teori Krashen (1981) dalam *Principles and Practice in Second Language Acquisition* untuk menguasai bahasa kedua, seseorang itu perlu melalui *acquisition* iaitu menerima bahasa tanpa disedari. Sebagai contoh, kanak-kanak mendapat bahasa daripada apa yang didengarinya tanpa mengetahui untuk menggunakan tatabahasa yang betul ketika menggunakannya. Ini menunjukkan kemahiran mendengar merupakan komponen yang paling tinggi digunakan dalam menerima pelbagai maklumat.

Walaupun modul yang ditulis memfokuskan kepada kemahiran membaca dan menulis, namun dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran membaca dan kemahiran menulis para pelajar juga berada pada tahap sederhana. Ini dapat dilihat pada item 7 iaitu saya mampu membaca teks dengan lancar mendapat nilai min sederhana iaitu = 3.14. Seterusnya pada item 8 iaitu dengan aktiviti pembacaan, para pelajar mampu memahami teks Arab dengan baik dengan nilai min = 3.28 dan juga pada item 9 yang tertumpu pada kemahiran menulis iaitu para pelajar mampu menulis perkataan yang dibaca oleh guru juga mendapat nilai yang sederhana iaitu nilai min = 3.52.

Jika di analisis hasil dapatan ini, ia menunjukkan apabila seseorang pelajar itu tidak dapat menguasai kemahiran mendengar, maka kemahiran-kemahiran lain juga tidak mampu untuk dikuasai. Justeru, para guru perlu memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti berkaitan dengan kemahiran bahasa Arab dan tidak hanya menggunakan *chalk and talk* dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan daripada Ku Fatahiyah (2014) menyatakan bahawa para guru perlu menyediakan bahan-bahan dan aktiviti-aktiviti yang menarik supaya dapat menarik minat pelajar untuk memahami bahan bacaan pengajaran dan mempunyai komunikasi dua hala antara pelajar dan guru.

## **Hubungan Tahap Modul Bahasa Arab Masjid dengan Tahap Kemahiran Asas Berbahasa Arab dalam Kalangan Pelajar**

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang kuat di antara tahap modul bahasa Arab masjid dengan tahap kemahiran asas berbahasa Arab dalam kalangan pelajar. Ini menunjukkan bahawa isi kandungan modul yang baik akan menghasilkan pelajar berkemahiran yang tinggi di dalam bahasa Arab. Dapatan ini disokong oleh Norzidah Yahya (2016) menyatakan bahawa sesebuah pembinaan modul mestilah bertepatan dengan matlamat dan tujuan para pelajar untuk mempelajari dan terus mengikuti pengajian tersebut. Jika dilihat pada tahap kemahiran asas berbahasa Arab masjid menunjukkan bahawa kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana disebabkan modul yang digunakan tidak menekankan kedua-dua kemahiran tersebut. Justeru, modul bahasa Arab masjid perlu dibuat penambahbaikan lebih-lebih lagi pada kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur supaya kesemua kemahiran asas berbahasa Arab dapat dikuasai oleh para pelajar.

### **Penutup**

Pembelajaran bahasa Arab semakin diminati oleh semua golongan tidak mengira usia muda atau tua. Oleh itu, modul yang dibina dan digunakan perlu bersesuaian dengan sasarannya supaya pembelajaran yang dipelajari mencapai objektif pembelajaran. Berdasarkan hasil analisis kajian yang telah dijalankan, dapatlah disimpulkan bahawa pelaksanaan komponen kemahiran asas berbahasa Arab masih berada di tahap sederhana. Semua pihak perlu mengambil perhatian untuk membuat penambahbaikan supaya KAMBA ini dapat dilaksanakan dengan lancar mengikut objektif dan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.

### **Bibliografi**

- Davies, J. A. 1971. *Elementary survey analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Farhana Idris & Munirah Azrae. 2015. *Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab untuk Pemahaman Ayat Al-Quran*. International Conference on Social Science Research, ICSSR. Melia Hotel Kuala Lumpur.
- Jamil Ahmad (1993). *Tinjauan Mengenai Kekangan-Kekangan Dalam Pelaksanaan Sains KBSM Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Negeri Kedah Darul Aman*. Universiti Kebangsaan Malaysia : PSM.
- Krashen, S. 1981. *Principles and practice in second language acquisition*. Oxford: Pergamon
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abd Rahman & Hairun Najuwah Jamali. 2014. *E-Journal of Education*. Vol 1, 2289-6880
- Martel, M. 1984. *Before you say a word: the executive guide to effective communication*. New Jersey Englewood Cliffs, Prentice Hall Inc.
- Md Noor Hussin, Saupi Man, Khairatul Akmar, Ahmad Redzudin, Muhammad Rofian & Wan Muhammad Akhyar. 2016. *Tahap Penguasaan Bahasa Arab Masyarakat Awam Melalui Pelaksanaan Pembelajaran Bahasa Arab di Masjid*. International Conference On Aqidah, Dakwah and Syariah.

- Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad & Rahmah Yahya (2012). Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab in Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]. (*International Seminar on Teacher and Islamic Education* [SEAPPI2012]) at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 867-878. ISBN 99917-44-89-4.
- Mohd Puzhi Bin Usop. 2007. Modul Asas Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah : Satu Analisis dan Penilaian. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Nor Yazidah Yahya, Che Radiah Mezah, Nik Farhan Mustapha & Mohd Sukki Othman. 2016. Kerangka Pembinaan Modul Pembelajaran Asas Bahasa Arab untuk Pelajar Warga Emas. *Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*. Vol 3, 2289-67559.
- Suhaila, 2014 Suhaila Zailani & Nur Afifah Fadzil. 2014. Penggunaan Modul dan Buku Bahasa Arab untuk Orang Awam. *Jurnal Al-Hikmah*. 6(2) : 65-77.
- Ummu Hani Hj. Hashim, Suhaila Zailani@ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Khazri Osman, Zainuddin Ismail dan Hakim Zainal. 2012. Rumusan Kajian Persepsi Orang Awam Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Qur'an Di Malaysia. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab. 2012. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.